

KAJIAN MASALAH PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN PELAJARAN  
YAYASAN MELAKA OLEH GRADUAN BUMIPUTERA  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Oleh:

KHALID ABDULLAH  
SHAMSHUL JOEHARI ZAINAL MOKHTAR  
MOHD FADLI HJ. ZAINAL  
AZIZUL KAMARUDIN  
ADAM ABDUL MALIK

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada  
Kajian Pentadbiran dan Undang-undang  
Institut Teknologi MARA  
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk  
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

Mei 1990

## KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
SENARAI JADUAL	ii
SENARAI RAJAH	iii
ABSTRAK	iv
BAB 1 PENGENALAN	
Objektif Kajian	5
Skop Kajian	6
Andaian Kajian	6
Methodologi Kajian	7
Masalah Dan Sekatan	10
BAB 2 LATARBELAKANG YAYASAN MELAKA	
Sejarah Penubuhan	13
Objektif Yayasan Melaka	18
Maklumat Organisasi Yayasan Melaka	23
Struktur Organisasi Yayasan Melaka	28
BAB 3 ALIRAN PINJAMAN	
Skim Pinjaman Pelajaran Tinggi	30
Syarat Pembayaran Balik Pinjaman	34
Ringkasan Aliran Tugas Mengurus	
Pinjaman Pelajaran Tinggi	36
BAB 4 ANALISA KEPUTUSAN	
Pengenalan Kepada Analisa	39
Sikap	40
Pinjaman Lain	56

Tanggungan	65
Syarat Yayasan Melaka	69
<b>BAB 5 MASALAH PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN</b>	
<b>DARI PANDANGAN PEMINJAM</b>	
Pendapatan	74
Membuat Pinjaman Lain	75
Tanggungan	76
Usaha-usaha Yayasan Melaka	78
Sikap	79
Cadangan Langkah Mengatasi	
Pembayaran Balik Pinjaman	83
Syarat Pinjaman Harus Diketatkan	83
Mengemaskini Maklumat Peminjam	88
Mengurangkan Kadar Bayaran Bulanan	91
Penyelarasan Sistem Pengumpulan	
Maklumat	93
Menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat	95
Pembayaran Melalui Sistem Potongan	
Gaji	98
Peringatan Kepada Penjamin	99
<b>BAB 6 KESIMPULAN</b>	101
<b>BIBLIOGRAFI</b>	105
<b>LAMPIRAN</b>	

## PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menyiapkan kertas projek ini. Segala kerjasama dan bantuan daripada mereka ini amat kami hargai dan sanjung tinggi.

Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih yang istimewa kepada :

I. TUAN HAJI YUSRA BIN SABAR

PENGURUS BESAR

YAYASAN MELAKA.

II. ENCIK AZMI BIN MAMAT

PEGAWAI PINJAMAN PELAJARAN

YAYASAN MELAKA

Ribuan terima kasih juga kami ucapkan kepada Encik Shaharuddin Bin Badaruddin dan Encik Mohd. Nor Bin Othman selaku pensyarah dan penasihat PAD 355, Puan Zaliha Haji Husin, Ketua Kursus Diploma Pentadbiran Awam, Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka kerana telah memberikan segala tunjuk ajar di dalam menyediakan kertas projek ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada ayah dan ibu kami yang telah memberikan dorongan dan menyalurkan sumber kewangan kepada kami untuk terus

## ABSTRAK

Pinjaman pelajaran adalah merupakan satu keperluan masa kini, khususnya pelajar-pelajar bumiputera. Bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, mereka memerlukan sumber kewangan bagi menampung pembelajaran. Bertitik tolak daripada ini, ramai di antara pelajar-pelajar terpaksa membuat pinjaman pelajaran daripada mana-mana badan swasta, kerajaan ataupun badan berkanun.

Begitu juga bagi Yayasan Melaka yang ada mengeluarkan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi lagi. Jumlah pinjaman adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang di peruntukkan oleh Yayasan Melaka.

Apa yang menjadi masalah sekarang ini ialah peminjam-peminjam yang telah tamat pengajian atau pun yang telah bekerja masih lagi tidak menjelaskan pinjaman mereka itu. Ada di antara peminjam yang memberikan berbagai-bagai alasan bagi mengelakkan diri daripada membayar balik pinjaman.

Kegagalan peminjam untuk membayar balik pinjaman telah mendatangkan masalah kepada Yayasan Melaka. Yayasan Melaka perlu membuat sesuatu langkah yang tegas bagi mengatasi masalah ini.